

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN BALASUBRAMANIAM A/L  
NACHIAPPAN**

**TARIKH : 16 OGOS 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam meningkatkan lagi penjanaan sumber tenaga boleh baharu yang lebih mesra alam sekitar dan tidak terlalu bergantung kepada sumber arang batu yang sedang meningkat naik harganya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan lagi penjanaan bekalan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB) yang lebih mesra alam, serta bagi membolehkan negara untuk tidak terlalu bergantung kepada sumber bahan api diimport termasuk arang batu yang sedang meningkat naik harganya, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan usaha-usaha berikut:

- (i) menetapkan sasaran makro peningkatan campuran kapasiti TBB dalam pembekalan elektrik kepada 31% pada tahun 2025 dan 40% pada tahun 2035 berbanding kapasiti sedia ada iaitu 23%;

## SOALAN NO : 95

- (ii) memperkenalkan dokumen Malaysia Renewable Energy Roadmap atau MyRER sebagai pelan pelaksanaan yang akan memandu dan memacu pelaksanaan program TBB, bagi mencapai sasaran TBB yang telah ditetapkan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap sumber bahan api diimport bagi penjanaan elektrik negara;
- (iii) memantau dan memastikan pembangunan semua projek TBB yang telah diluluskan oleh Kerajaan sama ada di bawah program Tarif Galakan (*Feed in Tariff – FIT*) atau program Solar Berskala Besar (*Large Scale Solar – LSS*) disiapkan dan beroperasi secara komersial mengikut jadual yang ditetapkan;
- (iv) menggalakkan pemasangan sistem solar atas bumbung melalui pelaksanaan Program Pemetaran Bersih (Net Energy Metering – NEM); dan
- (v) meningkatkan kapasiti sumber bukan solar seperti biogas, biojisim dan hidrokuasa kecil melalui pelaksanaan mekanisme Tarif Galakan (FIT).

Sekian, terima kasih.